

# APLIKASI PENDEKATAN HOLISTIK DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI BILIK DARJAH

Zulkifli bin Osman & Abdul Jalil Othman

Universiti Malaya, Malaysia

[o\\_zulkifli@yahoo.com](mailto:o_zulkifli@yahoo.com) & [jalil@um.edu.my](mailto:jalil@um.edu.my)

**Abstrak:** Kurikulum pendidikan bahasa Melayu peringkat sekolah menengah menuntut agar pengajaran Bahasa Melayu diajar secara bersepada bagi memenuhi keperluan falsafah pendidikan kebangsaan. Akan tetapi, kajian lalu mendapati pengajaran Bahasa Melayu masih diajar secara dikotomi dan terlalu memberi fokus kepada pengetahuan bahasa semata-mata. Oleh sebab itu, kertas kerja ini akan mengetengahkan satu strategi pengajaran yang diharapkan dapat memupuk potensi diri pelajar secara menyeluruh dan seimbang melalui tiga prinsip utama pendekatan ini, iaitu keseimbangan, perkaitan dan transformasi. Pendekatan ini diaplikasikan di bilik darjah melalui empat strategi utama iaitu (1) pengajaran secara konteks dan natural, (2) pengajaran secara bertema, (3) keseimbangan antara pengetahuan dan kecekapan berbahasa, dan (4) pemupukan unsur kemanusian dan kerohanian (jiwa) melalui aktiviti dan bahan bantu mengajar. Bagi mengaplikasikan modul ini di bilik darjah, sembilan modul telah dibangun dan dinilai bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaannya sebelum dilaksanakan di lapangan. Sekumpulan peserta kajian dilibatkan dalam kajian ini. Penglibatan mereka dilakukan berdasarkan keperluan fasa pembangunan modul ini. Data yang dikumpulkan daripada pemerhatian, temu bual separa struktur, bukti dokumen, dan komen peserta kajian dianalisis bagi mendapatkan data tentang kekuatan dan kelemahan modul ini. Dapatkan kajian mendapati modul ini boleh dilaksanakan dan dapat memupuk potensi diri pelajar secara menyeluruh di samping dapat meningkat kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar.

**Kata kunci:** Pendekatan holistik, pengajaran bahasa secara menyeluruh, pendekatan bertema, prinsip holistik, kemahiran berbahasa


## LATAR BELAKANG

Kurikulum pendidikan Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah yang diperkenalkan sejak 1988 menuntut agar pengajaran Bahasa Melayu diajar secara bersepada bagi memenuhi keperluan falsafah pendidikan kebangsaan, iaitu bagi melahirkan pelajar yang seimbang dan menyeluruh dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani (Awang Sariyan, 2004: 29). Kurikulum ini menggagaskan bahawa matlamat kurikulum bersepada Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM, Edisi Semakan 2002). Melainkan kurikulum ini juga diharapkan pelajar mampu mengungkapkan segala bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Bagi memastikan matlamat

pendidikan kebangsaan, iaitu melahirkan insan yang menyeluruh dan seimbang tercapai, beberapa strategi pengajaran disarankan tokoh pendidik Bahasa Melayu. Awang Sariyan (1998, 2003; 2004; 2009, misalnya mencadangkan bahawa pengajaran bahasa hendaklah memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran bahasa (kecekapan linguistik) dan kecekapan berbahasa (kecekapan komunikatif). Menurut beliau, pengajaran bahasa juga hendaklah dijalankan secara integrasi melalui konsep penggabungjalinan dan penyerapan bersandarkan kepada pendekatan pengajaran bahasa menyeluruh (PBH) (*whole language approach*). Menurut beliau, pendekatan ini menolak prinsip dikotomi dalam pengajaran bahasa, iaitu sifat pengasingan pengajaran bahasa kepada komponen tertentu. Berdasarkan konsep pengajaran bahasa menyeluruh, pengajaran bahasa hendaklah dilakukan secara secara konteks dan natural (Rigg, 1991; Rigg & Kazemek, 1993; Edelsky, 1993; Richards, 2001). Pendekatan ini juga menekankan kepada penggunaan bahan bantu mengajar dan penilaian yang autentik, aktiviti yang berpusatkan pelajar, dan integrasi empat kemahiran bahasa (*four skills*) secara semula jadi (Brown, 2001: 48). Akan tetapi, kajian lalu mendapat pengajaran Bahasa Melayu masih tidak menepati kehendak matlamat dan falsafah pendidikan Bahasa Melayu. Kajian lalu mendapat pengajaran bahasa Melayu dilakukan secara dikotomi dan terlalu memberi fokus kepada penguasaan pengetahuan bahasa semata-mata (Awang Sariyan, 2005). Selain itu, Juriah Long (2008) juga mendapat pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu di negara ini masih tidak menepati kehendak falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan melahirkan insan yang seimbang dan menyeluruh khusus daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Juriah Long (2008) turut menegaskan bahawa penekanan yang berlebihan terhadap aspek intelek khusus untuk tujuan peperiksaan menyebabkan perkembangan bahasa pelajar tidak berlaku secara seimbang. Menurutnya, perkara ini berlaku kerana guru tidak memahami dan menghayati sepenuhnya hasrat dan falsafah pendidikan Bahasa Melayu secara bersepadu. Kajian Zulkifli Osman (2010) terhadap amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik darjah juga menyokong kajian Juriah Long (2008). Dalam kajiannya, beliau mendapat bahawa amalan pengajaran guru Bahasa Melayu (BM) di bilik darjah ialah menghabiskan sukatan pelajaran, terlalu memberi penekanan terhadap peperiksaan dan kemahiran kognitif semata-mata. Ini menunjukkan bahawa pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah tidak selaras dengan matlamat atau objektif pendidikan bahasa Melayu itu sendiri, iaitu memberi penekanan yang seimbang terhadap penguasaan kemahiran bahasa dan kemahiran berbahasa (Awang Sariyan, 2005, 2009). Kajian Zulkifley Hamid (2005) juga menunjukkan bahawa pencapaian pelajar lebih menguasai aspek nahu berbanding dengan aspek tatabahasa tetapi gagal menguasai kemahiran berbahasa dengan kecekapan berbahasa. Kajian ini menjelaskan bahawa pelajar boleh menguasai baik Kesimpulannya, amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah masih bersifat tradisi yang mengutamakan kepada penguasaan bahasa secara dikotomi dan memfokuskan kepada aspek kognitif semata-mata. Atas pertimbangan ini, saya mencadangkan satu pendekatan yang diharap dapat memupuk bukan sahaja penguasaan kemahiran bahasa secara terpadu, tetapi juga turut memupuk semua potensi diri pelajar. Pendekatan ini saya namakan pendekatan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu.

**PENDEKATAN HOLISTIK DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU**

Pendekatan pengajaran bahasa secara holistik (PBH) adalah lanjutan daripada konsep pendekatan bersepadu dalam pengajaran Bahasa. Sebagaimana konsep pendekatan bersepadu yang memberi penekanan kepada penguasaan bahasa yang seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa, pendekatan PBH turut menyerapkan konsep pengajaran bahasa secara natural dan prinsip pendidikan holistik seperti prinsip kemanusiaan dan kerohanian bagi menggalakkan potensi diri pelajar. Rajah 1 menunjukkan konsep pendidikan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu.



**Rajah 1: Kerangka Pendekatan Holistik (PBH) dalam Pengajaran Bahasa Melayu**

Pendekatan PBH digarap daripada konsep pengajaran bahasa secara menyeluruh (*Whole Language Approach*), dan teori pendidikan holistik. Gabungan kedua-dua pendekatan ini penting bagi menampung kekurangan dan memantapkan proses p&p bagi memenuhi keperluan pengajaran Bahasa Melayu yang seimbang. Pendekatan ini selaras dengan kehendak pendekatan bersepadu yang diketengahkan dalam kurikulum Bahasa Melayu (KBSM), malah lebih menyeluruh sifatnya. Berdasarkan prinsip pendekatan *whole language* yang mendasari pendekatan ini, bahasa diajar secara integrasi antara empat kemahiran bahasa dan berlaku secara natural serta menekankan pembelajaran kooperatif, berpusatkan pelajar, penggunaan bahasa yang autentik, mementingkan makna, dan penilaian pelajar, holistik (Brown, 2000; 2001). Pendekatan yang dipelopori oleh Rigg (1991) dan Rigg & Kazemek (1993) ini merupakan pendekatan alternatif kepada pendekatan struktural. Namun, pendekatan ini tidak boleh dilaksanakan secara total dalam konteks negara kita kerana matlamat pendidikan bahasa Melayu bukan sahaja melahirkan pelajar yang boleh berkomunikasi dengan baik, tetapi juga menggunakan bahasa dalam konteks budaya yang tepat dan menyajung tinggi.

aspek ketepatan berbahasa. Hal ini kerana Hakuta & McLaughlin (1996) dan Shang (2000), pendekatan ini tidaklah lengkap sepenuhnya kerana tidak memberi keutamaan kepada kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara holistik ini juga disandarkan kepada konsep pengajaran bahasa yang melibatkan penyepaduan antara kecekapan linguistik dan kecekapan komunikatif. Menurut Awang Sariyan (1998, 2003; 2004: 31; 2009), pendekatan ini memberi penekanan kepada proses melengkapkan diri pelajar dengan pengetahuan bahasa (*equipping*) bagi membolehkan mereka memanfaatkan kemahiran bahasa untuk keperluan hidup (*enabling*). Untuk merealisasikan pendekatan ini, Awang Sariyan (2005) mencadangkan bahawa pendekatan eklektik yang menggabungkan (1) pelbagai kaedah dan teknik dan (2) sistem bahasa dengan kemahiran bahasa dan isi serta konteks bahasa. PBH ini juga melibatkan (1) integrasi antara kemahiran bahasa, (2) integrasi bahan bacaan dan perbincangan wacana atau perspektif berdasarkan topik yang sama, dan (4) integrasi kemahiran berfikir dalam pengajaran kemahiran bahasa (Mahzan Arshad, 2003; 2008). Pendekatan PBH juga mengambil kira perkembangan pelajar secara menyeluruh (*human wholeness*). Menurut ahli pendidikan holistik seperti J. P. Miller (1988, 2007), Forbes (2003), Gang (1999), Rudge (2008), Syed Ali Ashraf (1994), Hasan Langgulung (2002), dan Tajul Ariffin Noordin (2001; 2005), proses pendidikan bukan sahaja mementingkan penguasaan kognitif atau pengetahuan semata-mata, tetapi turut menanam sifat humanistik dan kerohanian dalam kalangan pelajar. Menurut Rudge (2008), elemen kerohanian terdiri daripada empat prinsip, iaitu kerohanian (*spirituality*), menghargai alam semula jadi/kehidupan (*reverence for life/nature*), saling berkaitan (*interconnectedness*), dan individu yang menyeluruh (*human wholeness*), manakala elemen humanistik pula terdiri daripada prinsip yang berikut, iaitu keunikan individu (*individual uniqueness*), penyayang (*caring relations*), kebebasan/autonomi (*freedom/autonomy*), dan demokrasi. Berdasarkan perbincangan di atas, disimpulkan bahawa pendekatan PBH ini berpaksi kepada beberapa prinsip. Antaranya ialah (1) pengajaran bahasa dilakukan secara kontekstual dan natural/alami, (2) pengajaran bahasa diajar secara bertema: sama ada dari aspek topik pelajaran dan kemahiran yang diajar, (3) aktiviti pengajaran bahasa memberi penekanan kepada keseimbangan pengetahuan bahasa (kecekapan linguistik) dan kecekapan berbahasa (komunikatif), dan (4) pengajaran bahasa memberi keutamaan kepada pemupukan emosi dan rohani pelajar dalam aktiviti p&p.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah:

1. Menyiasat pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu secara bersepadu di bilik darjah Tingkatan 4.
2. Mendapat pandangan dan cadangan guru dan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.
3. Mendapatkan penilaian pakar terhadap kesahan modul pengajaran Bahasa Melayu yang dibangunkan.

4. Mendapatkan penilaian guru dan pelajar terhadap kebolehlaksanaan, kebolehgunaan, dan kekuatan dan kelemahan modul pengajaran secara bersepada di bilik darjah.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka bentuk Kajian


Reka bentuk kajian ini ialah kajian reka bentuk dan pembangunan. Matlamatnya adalah bagi membangunkan modul BM\_Sepadu. Kajian penghasilan produk dan bahan pembelajaran ini dibangunkan berdasarkan reka bentuk pembangunan Jenis I seperti yang dibincangkan oleh Richey dan Klein (2007) dan Richey, Klein, dan Nelson (2004). Reka bentuk kajian Richey dan Klien (2007) digunakan kerana “reka bentuk kajian ini bersifat pragmatik dan memberi peluang kepada pengkaji untuk menguji dan mengesahkan teori secara praktik” (hlm. 1). Kajian pembangunan modul pengajaran Bahasa Melayu ini melibatkan tiga fasa, iaitu (1) analisis keperluan, (2) reka bentuk dan pembangunan, dan (3) pelaksanaan dan penilaian. Rajah 2 menunjukkan fasa dan proses pembangunan modul BM\_Sepadu.



Rajah 2: Fasa Pembangunan Modul BM\_Sepadu

Bagi mereka bentuk modul, kerangka model pengajaran berkesan Morrison et al (2007) digunakan sepenuhnya. Model reka bentuk pengajaran Morrison et al (2007) melibatkan fasa-fasa yang berikut, iaitu (1) mengenal pasti masalah pengajaran dan pembelajaran, (2) mengenal pasti tugas atau isi kandungan, (3) mereka bentuk objektif pelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar, (4) menyusun isi

kandungan, (5) menentukan strategi pengajaran yang akan digunakan, (6) mereka bentuk bahan bantu pengajaran, dan (7) mereka bentuk instrumen penilaian. Bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan modul ini pula, model penilaian formatif Tessmer (1995) dan Dick, Carey, dan Carey (2005) digunakan. Rajah 3 di bawah menunjukkan bagaimana proses penilaian terhadap sembilan modul pengajaran Bahasa Melayu dilakukan dalam kajian ini.



**Peserta Kajian**  
 Peserta kajian dalam kajian ini dibahagi kepada tiga kelompok utama, iaitu (1) peserta kajian fasa analisis keperluan, (2) peserta kajian fasa pembangunan dan (3) peserta kajian fasa pelaksanaan dan penilaian. Peserta kajian fasa analisis keperluan melibatkan enam guru BM Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah di Slim River, Perak, dan enam kelompok pelajar Tingkatan 4 di sekolah yang sama. Guru yang menyertai kajian ini dipilih berdasarkan pengalaman dan cadangan guru kanan jantina, pencapaian akademik, dan kaum. Peserta kajian ini dilibatkan bagi mendapatkan data tentang amalan dan masalah pengajaran guru BM di bilik darjah, dalam fasa pembangunan pula melibatkan enam orang pakar, dua guru BM dan tiga kelompok pelajar yang dipilih berdasarkan kriteria yang dinyatakan di atas. Tujuan

pakar dilibatkan dalam kajian ini ialah mendapatkan data tentang kesesuaian kandungan, pedagogi dan reka bentuk modul yang dibangunkan. Tujuan guru dan pelajar dilibatkan dalam kajian ini pula ialah bagi mendapatkan data dan komen mereka tentang kejelasan, kebolehlaksanaan dan impak modul yang dibangunkan terhadap pelajar dan guru. Peserta kajian dalam fasa pelaksanaan dan penilaian pula melibatkan dua kumpulan yang berbeza, iaitu peserta kajian dalam kajian rintis dan kajian lapangan. Peserta kajian dalam kajian rintis melibatkan tiga guru dan tiga kelompok pelajar. Begitu juga dengan peserta kajian dalam kajian lapangan. Namun, peserta kajian yang terlibat dalam kedua-dua proses penilaian ini adalah peserta kajian yang berbeza tetapi mempunyai ciri yang sama. Tujuan peserta kajian dalam kajian rintis adalah bagi mendapatkan data tentang kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan dari aspek kebolehcapaian objektif pelajaran, kebolehlaksanaan dan kesesuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran (modul pengajaran) bahan bantu mengajar, dan kemampuan bahan pembelajaran (modul pengajaran) menarik minat pelajar. Selain tujuan di atas, tujuan peserta kajian dalam kajian lapangan dilibatkan pula ialah bagi mendapatkan maklumat tentang pandangan pelajar dan guru selepas mereka mengikuti sesi pengajaran yang dirancang dalam modul BM\_Sepadu ini.

### Instrumen Kajian

Bagi mendapatkan data, tiga teknik digunakan, iaitu pemerhatian, temu bual separa struktur, dan bukti dokumen. Ketiga-tiga teknik ini digunakan dalam setiap fasa kajian bagi mendapatkan data tentang analisis keperluan, kebolehgunaan modul, kekuatan dan kelemahan, dan pandangan guru dan pelajar selepas mengikuti sembilan modul BM\_Sepadu. Yang berikut adalah perincian tentang jenis instrumen dan masa digunakan dalam fasa keseluruhan kajian ini.

Jadual 1

*Ringkasan metodologi bagi keseluruhan kajian*

Fasa Kajian	Instrumen	Peserta Kajian	Bilangan
Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan	Protokol Temu bual	Guru Pelajar	4 6 kumpulan fokus
	Catatan pemerhatian Bukti dokumen	Guru Guru Pelajar	4 4 8
Fasa 2: Fasa Reka bentuk dan Pembangunan (Kesahan Kandungan dan kesesuaian pembelajaran)	Protokol temu bual berstruktur Pakar dan Laporan Pakar Protokol temu bual guru dan pelajar Laporan komen guru dan pelajar	Pakar kandungan, reka bentuk dan pedagogi Guru pelajar	6 2 3-5 pelajar bagi setiap kumpulan (9 kumpulan)

Fasa Penilaian dan pelaksanaan kajian rintis (kekuatan dan kelemahan modul)	Protokol temu bual kumpulan kecil (rintis)	Pelajar	4-6 pelajar bagi setiap kumpulan (3 kumpulan)
	Protokol temu bual Kumpulan sebenar	Guru Pelajar	3 4-6 pelajar bagi setiap kumpulan (3 kumpulan)

### **Tapak Kajian**

Tiga tapak kajian ditetapkan dalam kajian ini. Pertama ialah sekolah yang digunakan sebagai tapak kajian fasa analisis keperluan dan pembangunan. Kedua, sekolah yang digunakan untuk kajian rintis, dan ketiga ialah tapak kajian fasa penilaian atau kajian lapangan. Jadual yang berikut adalah ringkasan tentang tapak kajian yang digunakan dalam kajian ini:

Jadual 2

Taburan Sekolah yang Terlibat dalam Kajian

Bil.	Tapak Kajian	Fasa Kajian
1	SMK Dato Zulkifli Muhammad, Slim River, Perak.	Fasa Analisis Keperluan dan Fasa Pembangunan
2	SMK Methodist, Tg. Malim, Perak	Kajian Rintis
3	SMK Slim River, Perak	Kajian Lapangan (Modul 1-3)
4	SMK Sungkai, Perak	Kajian Lapangan (Modul 4-6)
5	SMK Bidor, Perak	Kajian Lapangan (Modul 7-9)

Sekolah yang dipilih merupakan sekolah kerajaan yang terletak dalam lingkungan 1-3 kilometer (KM) daripada bandar. Sekolah-sekolah ini dipilih sebagai tapak kajian atas beberapa kriteria. Pertama, latar belakang pelajar sekolah ini yang terdiri daripada pelbagai kaum utama negara ini, iaitu Melayu (56.23%), India (23.02%), dan Cina (20.58%). Kedua, sekolah-sekolah ini dipilih kerana pencapaian akademik khususnya peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) ini agak baik dan setanding dengan sekolah harian yang lain di negeri Perak. Sekolah-sekolah ini menengah ini juga dipilih sebagai tapak kajian kerana sekolah ini mudah diakses, dan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini mudah dihubungi. Pihak pentadbir juga menyelidik memperoleh maklumat yang banyak (Marshall & Rossman, 1989: 54), juga dipilih kerana sikap guru yang sanggup memberi kerja sama kepada pengkaji khususnya tentang pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu. Sekolah-sekolah ini juga membolehkan wujudnya hubungan dan kepercayaan dengan peserta kajian. Hubungan dan kerja sama yang erat ini memungkinkan pengkaji memperoleh data berkualiti dan berkredibiliti (Patton, 1980; Merriam, 1988). Kerja sama dan sokongan pihak pentadbir sekolah, khususnya Pengetua dan guru-guru BM Tingkatan 4 menyebabkan sekolah ini sebagai tapak kajian. Kesimpulannya, kriteria-kriteria yang dinyatakan di atas menjadi penyebab kepada pemilihan sekolah ini sebagai tapak kajian dalam penyelidikan ini.

## **MODUL BM-SEPADU**

Sembilan modul dibangunkan dalam kajian ini bagi mengaplikasikan pendekatan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu. Tiga tema utama digunakan dalam modul ini iaitu, budaya, gejala sosial dan alam sekitar. Pembahagian tema bagi setiap modul dinyatakan seperti yang berikut:

Jadual 3

### *Pembahagian tema bagi setiap modul*

Bil.	Tema	Subtema	Modul
1	Masalah Sosial	Peranan Remaja dalam Menangani Bencana Sosial Jenayah Ragut: Apakah Peranan Kita? Sajak: "Di manakah Kemanusiaan Kita?"	Modul 1 Modul 2 Modul 3
2	Budaya	Bahasa Kita Jiwa Kita "Kenapa begini" Budi Bahasa Amalan Kita	Modul 4 Modul 5 Modul 6
3	Alam Sekitar	Cintailah Persekutuan Kita Eko Pelancongan Menghargai nilai air	Modul 7 Modul 8 Modul 9

Seajar dengan prinsip keseimbangan, perkaitan dan transformasi yang menjadi teras pendekatan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu, aktiviti disusun berdasarkan strategi yang berikut:

Jadual 4

### *Teras pendidikan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu*

Strategi Pengajaran	Modul	Kemahiran - bahasa/sistem bahasa	Contoh Pelaksanaan
Pengajaran bahasa secara konteks dan natural	Modul 1	Kemahiran menulis/tatabahasa	Melengkap poster bertajuk "Masalah Sosial: Apakah peranan Kita?" dengan menggunakan ayat songsang seperti "Jauhi amalan yang tidak sihat", "Patuhilah undang-undang Negara".
Pengajaran bahasa secara bertema	Modul 1, 2, dan 3	Semua kemahiran bahasa	Subtema atau topik bagi setiap modul adalah sejajar dengan tema utama. <i>Contoh:</i> Tema Modul 1, Modul 2, dan Modul 3 merupakan subtema kepada tema utama, iaitu 'Masalah sosial'. Subtema Modul 1: Peranan Remaja dalam Menangani Bencana Sosial Subtema Modul 2: Jenayah

Pengajaran bahasa secara seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa	Modul 1	Tatabahasa	Ragut: Apakah Peranan Kita? Subtema Modul 3: “Di manakah Kemanusiaan Kita? (Sajak)
Pemupukan aspek emosi dan rohani pelajar dalam aktiviti p&p	Modul 1		Pelajar boleh menguasai konsep ayat songsang dan dapat menggunakan secara konteks dalam poster “Masalah sosial: Apakah peranan kita?

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan tiga dapatan utama kajian ini, iaitu dapatan tentang amalan pengajaran BM di bilik darjah, kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan dan pandangan guru dan pelajar setelah menggunakan modul BM\_Sepadu ini. Dapatan kajian pertama menunjukkan bahawa secara keseluruhannya amalan pengajaran guru bersifat dikotomi iaitu memisah-misahkan antara satu kemahiran dengan kemahiran bahasa yang lain. Dapatan kajian juga mendapati guru mendominasi sepenuhnya orientasi pengajaran, manakala pelajar berperanan sebagai peserta yang pasif di dalam bilik darjah. Aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah juga didorong secara keseluruhannya oleh aktiviti pelajaran yang memberi fokus kepada menjawab soalan peperiksaan dan menghabiskan sukanan pelajaran khususnya bagi komponen sastera (KOMSAS).

Dari aspek pengajaran kemahiran bahasa pula, dua kemahiran menjadi keutamaan guru ketika mengajar BM di bilik darjah, iaitu kemahiran menulis karangan dan rumusan. Dalam kemahiran menulis karangan misalnya, guru hanya memfokuskan kepada aspek isi dan bilangan atau jumlah perkataan yang mampu dhasilkan oleh pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran membaca, bertutur dan penulisan kreatif tidak dilaksanakan. Begitu juga dengan pengajaran tatabahasa. Proses p&p tatabahasa oleh guru-guru terlalu menekankan tatabahasa tersebut dalam konteks dan fungsi yang tepat dan alamiah. Dari aspek keseimbangan pemupukan potensi diri, dapatan kajian mendapati hanya aspek kognitif diberi penekanan, manakala kemahiran emosi, rohani dan jasmani tidak berpertimbangan yang sewajar dalam setiap aktiviti p&p. Menyentuh kaedah tatabahasa tersebut dalam konteks dan fungsi yang tepat dan alamiah. Dari aspek keseimbangan pemupukan potensi diri, dapatan kajian mendapati bahawa pengajaran guru lebih kognitif diberi penekanan, manakala kemahiran emosi, rohani dan jasmani tidak berpertimbangan yang sewajar dalam setiap aktiviti p&p. Menyentuh kaedah tatabahasa tersebut dalam konteks dan fungsi yang tepat dan alamiah. Dalam pengajaran dan tatabahasa. Kaedah kumpulan amat jarang dilaksanakan. Dalam pengajaran tatabahasa misalnya, guru hanya memberi penekanan kepada kemahiran membina dan membetulkan ayat, khususnya dari aspek ejaan dan imbuhan. Dapatan kajian

turut mendapati bahawa buku rujukan menjadi sumber atau bahan p&p yang utama kerana hampir semua bahan pembelajaran guru, sama ada untuk pengajaran karangan, surat kiriman, rumusan, KOMSAS dan tatabahasa menggunakan buku rujukan sebagai bahan rujukan utama. Bahan bantu mengajar yang bersifat autentik seperti akhbar, bahan berita dan sebagainya jarang digunakan oleh guru. Dari aspek penilaian pula, dapatan kajian mendapati kaedah penilaian guru hanya melibatkan usaha mengumpul buku dan menanda tugas tersebut dan tidak dijalankan secara berterusan.

Berdasarkan temu bual pelajar, strategi dan kaedah yang digunakan oleh guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa ini tidak menyeronokkan malah membosankan mereka. Mereka mencadangkan bahawa guru hendaklah mempelbagaikan teknik pengajaran dan menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar yang menarik dari pelbagai sumber. Mereka juga menyarankan agar kemahiran membaca dan bertutur turut diberi penekanan. Dapatan kajian kedua pula mendapati bahawa keseluruhan modul ini telah dibangunkan dengan baik. Temu bual tahap satu dengan satu dengan guru dan pelajar mendapati arahan dan maklumat yang digunakan dalam bahan bantu mengajar modul yang dibangunkan ini jelas, boleh difahami, mempunyai maklumat yang cukup, relevan dengan situasi semasa, menarik minat, mencabar pengetahuan, dan dapat meningkatkan kemahiran berbahasa mereka. Dari aspek kekuatan dan kelemahan modul pula, kajian rintis dan kajian lapangan yang dijalankan terhadap sembilan modul ini mendapati bahawa semua bahan bantu mengajar dan aktiviti p&p yang dilaksanakan dalam Modul BM\_Sepadu ini memberi kesan yang positif terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah tingkatan 4. Data temu bual dengan guru dan pelajar menunjukkan bahawa mereka sangat tertarik dengan modul ini kerana penggunaan pelbagai bahan yang pelbagai dan relevan dengan persekitaran mereka mampu meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Akan tetapi, beberapa perubahan perlu dilakukan khususnya daripada aspek kebolehcapaian objektif pelajaran, kebolehlaksanaan aktiviti p&p, dan kesesuaian BBM yang digunakan dalam modul pengajaran bahasa ini. Akhirnya, dapatan kajian dalam kajian lapangan juga mendapati bahawa, modul-modul yang dibangunkan ini mempunyai kekuatan daripada isi kandungan, boleh dilaksanakan, dapat mencapai objektif pelajaran, dan mendapat komen yang positif daripada pelajar dan guru yang mengikuti modul ini. Menurut mereka, strategi pengajaran, kaedah pengajaran bahasa, kaedah pengajaran tatabahasa, penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran, dan teknik penilaian yang dijalankan dalam modul ini semasa kajian lapangan sangat menarik, berkesan dan berbeza dengan strategi yang digunakan sebelum ini.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa amalan pengajaran BM di bilik darjah masih bersifat tradisional, iaitu berpusatkan guru dan mementingkan hasil-hasil. Dapatan kajian juga membuktikan bahawa orientasi pengajaran guru masih bersifat ‘aku tahu segalanya’ sedangkan kajian mendapati pelajar tidak gemar dengan pendekatan ini. Dapatan kajian ini juga mengukuhkan bukti bahawa guru masih mengamalkan pengajaran bahasa secara dikotomi, iaitu proses pengajaran bahasa

tidak mempunyai kaitan antara satu sesi pelajaran dengan sesi pelajaran yang lain. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dapatan kajian yang dijalankan oleh Awang Sariyan (2005) ini masih berlaku. Malah, menurut beliau, strategi pengajaran ini amat bertentangan dengan matlamat kurikulum BM yang menggagaskan bahawa pengajaran bahasa hendaklah berupaya melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri. Selain itu, dapatan kajian juga membuktikan bahawa guru tidak menitikberatkan aspek emosi dan rohani dalam pengajaran mereka. Selaras dengan kajian Juriah Long (2008), dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru hanya memberi penekanan kepada aspek kognitif semata-mata. Hal ini bercanggah dengan kehendak falsafah pendidikan kebangsaan, yang menuntut agar pengajaran Bahasa Melayu diajar secara bersepadu melahirkan pelajar yang seimbang dan menyeluruh dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani (Awang Sariyan, 2004: 29).

Dari aspek keseimbangan antara pengetahuan dan kecekapan berbahasa pula. Kajian juga mendapat perkara ini tidak berlaku. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru hanya memberi penekanan terhadap aspek pengetahuan bahasa dan mengabaikan aspek kecekapan berbahasa. Situasi ini tidak selaras dengan matlamat kurikulum bersepadu Bahasa Melayu sekolah menengah, iaitu melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM, Edisi Semakan 2002). Selain itu, dapatan kajian juga mendapat pelajar dapat meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa mereka khususnya kemahiran bertutur dan membaca. Dapatan temu bual pelajar menunjukkan bahawa rata-rata pelajar mengakui bahawa kemahiran bertutur dapat ditingkatkan, malah mereka turut menyatakan bahawa mereka lebih berkeyakinan dan lebih berani untuk bertutur di hadapan kelas. Dapatan ini sejajar dengan kajian Staufer (2008), Martin, Martin dan Carvalho (2008), dan Leavitt-Noble (2008). Kajian mereka juga mendapat pendekatan ini dapat meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran berbahasa secara keseluruhannya. Selain itu, modul pengajaran yang dibangunkan ini dapat mananam sifat kemanusiaan dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian mendapat, bahan pembelajaran dan aktiviti yang digunakan dalam modul-modul ini menyentuh jiwa pelajar dan dapat menimbulkan perasaan empati. Dapatan ini sejajar dengan kajian Shefy dan Sadler-Smith (2005) yang mendapat pengaplikasian prinsip bersepadu atau holistik dapat meningkatkan kesedaran emosi, menggalakkan perkongsian perspektif, mencambahkan sensitiviti dan sifat baik hati (*benevolance*) dan serta gemar memenuhi permintaan orang lain (*fulfilment*). Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Patel (2003). Kajiannya juga mendapat pendekatan bersepadu atau holistik berupaya meningkatkan sifat menghargai dan menyayangi ahli kumpulan yang lain.

## KESIMPULAN

Proses pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah masih mengamalkan pendekatan yang membosankan pelajar. Pendekatan yang memusatkan guru dan penggunaan bahan bantu mengajar yang tidak sesuai dan relevan dengan persekitaran pelajar tidak dapat menggalakkan proses pembelajaran yang berkesan dan menarik.

Sehubungan dengan itu, satu pendekatan yang bersepadu, yang didasarkan kepada strategi pengajaran bahasa secara holistik dibangunkan. Kajian ini mendapati modul ini bukan sahaja diterima oleh pelajar, dapat meningkat penguasaan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar, malah dapat memupuk potensi diri pelajar secara seimbang dan menyeluruh.

## RUJUKAN

- Awang Sariyan. (1998). Pendekatan bersepadu dalam pendidikan Bahasa Melayu. Apa khabarnya? *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(9), 809-815.
- Awang Sariyan. (2003). Pendekatan bersepadu pendidikan Bahasa Melayu dalam konteks pemerkasaan bahasa. Kertas kerja Seminar Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu. 26-27 April. Anjuran DBP.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras pendidikan Bahasa Melayu: Asas pegangan guru*. Bentong: PTS Publications.
- Awang Sariyan (2005). Merekayaskan pendidikan Bahasa Melayu dalam menghadapi tantangan zaman. *Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu*. USM: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, 1-24.
- Awang Sariyan (2009, Februari). Beberapa pertimbangan falsafah dan praktik dalam memenuhi impian pendidikan Bahasa Melayu yang berkesan. Kertas kerja Program Wacana Akademik, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Brown, H. D. (2000). *Principles language learning and teaching*. (4th ed.). New York: Longman.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. (2nd ed.). New York: Longman.
- Dick, W., Carey, L., & Carey, J. O. (2005). *The systematic design of instruction*, (6th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Edelsky, C. (1993). Whole language perspective. *TESOL Quarterly* 27, 548-550.
- Forbes, S. H. (2003). *Holistic education: An analysis of its ideas and nature*. Brandon, VT: Foundation for Educational Renewal.
- Gang, P. (1993). Holistic education. Dalam Carol L. Flake (Eds.), *Holistic education: Principles, perspectives, and practices* (hlm. 86-91). Brandon VT: Holistic education Press.
- Hakuta, K., dan McLaughlin, B. (1996). Bilingualism and second language learning: Seven tensions that define the research. Dlm. Berliner, D. C., dan Calfee, R. C. *Handbook of educational psychology*, 603-621.
- Hasan Langgulung. (2002). *Peralihan paradigma dalam pendidikan Islam dan sains sosial*. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- Juriah Long. (2008). *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara hasrat dengan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Leavitt-Noble, K. A. (2008). *Improving the writing skills of sixth grade English language learners with and without learning disabilities. An integrated model approach*. Tesis doktof falsafah yang tidak diterbitkan, State University of New York at Buffalo, AAT 3307642.
- Mahzan Arshad. (2003). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Satu pendekatan bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Marshall, C., dan Rossman, G. B. (1989). *Designing qualitative research*. Newbury Park: Sage Publications.
- Martin, D., Martin, M., & Carvalho, K. (2008). Reading and learning-disabled children: Understanding the problem *Clearing House: A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas*, 81(3), 13-117.

- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study application in education: Revised and expanded from case study research in education*. San Francisco: Josey-Bass Publishers.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). Thousand Oaks: California.
- Miller, J. P. (1988). *The holistic curriculum*. Toronto, Canada: OISE Press.
- Miller, J. P. (2007). *The holistic curriculum*. (2nd ed.). Toronto, Canada: OISE Press.
- Morrison, G. R., Ross, S. M., & Kemp, J. E. (2007). *Designing effective instruction*, (5rd ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Partel, N. V. (2003). A holistic approach to learning and teaching interaction: Factors in the development of critical learners. *The International of Educational Management*, 17(6), 272-284.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation methods*. (ed. 2). Thousand Oaks, Calif: Sage.
- Richards, J. C. (2001). *Curriculum development in language teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Richey, R. C., Klein, J. D., & Nelson, W. A. (2004). Developmental research: Studies of instructional design and development. Dlm. Johassen D, H. (Ed.) *Handbook of Research on Educational Communications and Technology* (2nd ed.). London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Richey, R. C., dan Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates Publisher.
- Rigg, P. (1991). Whole language in TESOL. *TESOL Quarterly* 25, 521-542.
- Rigg, P. & Kazemek, F. E. (1993) Whole language in adult literacy education. Dlm. J. Randall and J. K. Peyton (Eds.) *Approaches to adult ESL literacy instruction*. Washington, DC: National Clearinghouse on Literacy Education.
- Rudge, L. T. (2008). *Holistic education: An analysis of its pedagogical application*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Ohio State University. (UMI No. 3324114).
- Shang, F. K. (2000). A comparative analysis on alternative approaches to literacy instruction. *International journal of lifelong education*, 19(4), Ogos, 2000, 291-299.
- Shefy, E., dan Sadler-Smith, E. (2006). Applying holistic principles in management development. *Journal of Management Development*, 25 (4), 368-385.
- Stauffer, M. (2008). Instruction os keyboarding skills: A whole language approach to teaching functional literacy skills to students who are have additional disabilities. *International Journal of Special Education*, 2 (1), 74-81.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (Semakan) (2002) Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Syed Ali Ashraf. (1994). *Horizon baru dalam pendidikan Islam*. Terjemahan Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1990). *The nature of man and psychology of human soul*. Kuala Lumpur: International Institut of Islamic Thought and civilization.
- Tajul Arifin Noordin (2000, Jun). *Falsafah Pendidikan Negara: Penilaian semula ke arah pendidikan bersepadu di alaf baru*. Kertas kerja Konvensyen Mahasiswa Nasional: Mahasiswa dan isu pendidikan, UKM, Bangi.
- Tajul Arifin Noordin, Nor'Aini Dan, dan Nor Sakinah Mohamad (2005). Merealisasi pendidikan serantau yang berkualiti: Anjakan kepada paradigma pendidikan bersepadu. *Prosiding Seminar Pendidikan UKM-UNRI 2005*. Fakulti Pendidikan, UKM, 8-17.
- Tessmer, M. (1993). *Planning and conducting formative evaluations: improving the quality of education and training*. London: Kogan Page Limited.

Zulkifley Hamid (2005). *Penilaian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

